

Miswan di hadapan Muzium Orang Asli Gombak.

# Kenali masyarakat Orang Asli

Muzium Orang Asli dibuka percuma kepada orang awam

NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK

Orang Asli memiliki karya seni, kraftangan, adat resam, pantang larang yang masih dipelihara dan diamalkan sehingga kini, biarpun Malaysia sudah 61 tahun merdeka dan pesat membangun.

Keunikan budaya mereka terus diterokai dan dikongsi dengan masyarakat menerusi pelbagai inisiatif dan sumber. Menariknya, kita tidak perlu menjelajah kawasan pedalaman untuk mengenali sejarah mereka, sebaliknya mereka yang tinggal sekitar Selangor dan Kuala Lumpur boleh mendapatkan maklumat itu di Muzium Orang Asli, di sini.

Terletak di Batu 12 berhampiran



Sinar Harian 23/02/2019

ini sesuai dilawati bersama keluarga selain rombongan sekolah sebagai lokasi riadah hujung minggu sambil menambah ilmu pengetahuan.

Muzium yang diuruskan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JakoA) ini ditubuhkan pada 1987 sebelum dinaik taraf menjadi bangunan dua tingkat sekitar 1998.

Perasmian pembukaannya disempurnakan Perdana Menteri ke-4, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Untuk makluman, Orang Asli terdiri daripada 18 suku kaum seperti Temiar, Temuan, Semai, Semelai, Jah, Hut, Mahmeri dan lain-lain.

Masyarakat ini terkenal dengan kepakaran memburu dan mencari herba di hutan. Dalam muzium ini, pengunjung berpeluang melihat sendiri peralatan

memburu termasuk sumpit dan beliung.

Turut dipamerkan seni kraf terdiri ukiran patung dan topeng menggunakan kayu, alat perhiasan diri daripada manik, sanggul bulu burung, pakaian, adat



budaya, pantang larang dan kepercayaan serta pengangkutan.

Menurut teori, Orang Asli berasal dari China dan Asia Tenggara mula meneroka penempatan dalam negara sejak 5,000 hingga 8,000 tahun dahulu.

Gombak antara lokasi pentadbiran Orang Asli di semenanjung selain Perak dan Jeli. Kebanyakan Orang Asli di sini adalah dari suku kaum Temiar,



MISWAN

penerangan. Selain artifak, ada juga prototai dibina semula untuk pameran.

"Idea mewujudkan muzium ini dicetuskan oleh Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ke-4, Dr Baharon Azhar Raffie'i bagi mengabdikan sejarah silam dan memelihara warisan budaya kaum ini," katanya.

Jelasnya, muzium in

Terletak di Batu 12 berhampiran Hospital Orang Asli di sini, muzium



Adat perkahwinan Orang Asli.



Ukiran patung menggunakan kayu.



Lawatan sambil belajar membabitkan 74 pelajar dan guru dari Sekolah Menengah Sri UCSI.

pakai, adat dari suku kaum Temuan dan Semai.

Penolong Kurator Muzium Orang Asli Gombak, Ahmad Miswan Sohiman berkata, sekurangnya 1,000 pengunjung melawat muzium ini dalam tempoh sebulan. "Ia dibahagikan kepada beberapa stesen bagi memudahkan sesi

antara lokasi di bawah Tourism Selangor dan dibuka secara percuma.

"Kami beroperasi setiap hari bermula jam 8 pagi hingga jam 5 petang kecuali Jumaat, Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha. "Pengunjung yang berhasrat mendapatkan pegawai penerangan dinasihatkan membuat tempahan di portal [www.Jakoa.gov.my](http://www.Jakoa.gov.my) dan mengisi permohonan lawatan muzium. "Setiap slot penerangan boleh memuatkan antara 30 hingga 50 pengunjung bagi satu sesi. Kami boleh sediakan perkhidmatan berbayar demonstrasi ukiran dan pembuatan perhiasan jika ada permintaan," katanya.



Peralatan memasak yang digunakan masyarakat Orang Asli.